UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

**HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ**
**IKLAN JAWATAN KOSONG JURURAWAT HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ**

Jabatan Sumber Manusia ingin mempelawa kakitangan atau warganegara Malaysia yang berkelayakan, komited serta berdedikasi untuk mengisi kekosongan jawatan pelantikan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz seperti di berikut:

| **KUMPULAN PELAKSANA** | | | |
|---|---|---|---|
| **JAWATAN** | | : | **JURURAWAT** |
| **GRED GAJI** | | : | **U29** |
| **Gaji Minimum - Maksimum** | | : | **RM 1,797.00 - RM 5,753.00** |
| **Elaun** | **Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)** | : | **RM300.00** |
| | **Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH)** | : | **RM350.00** |
| | **Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)** | : | **RM160.00** |
| | **Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK)** | : | **15% X Gaji Pokok** |
| **TARAF JAWATAN** | | : | **TETAP & KONTRAK** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

   (c) diploma dalam bidang kejururawatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.

   (**Gaji permulaan ialah pada Gred U29: RM1,797.00**).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jururawat Masyarakat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jururawat Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

   (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c);

   (b) had umur pelantikan

      (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

      (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 58 tahun; atau

      (iii) berumur kurang 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 60 tahun.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

**HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ**
**IKLAN JAWATAN KOSONG JURURAWAT HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ**

**CARA MEMOHON:**

1. Sila layari laman web UKM ***https://smk.ukm.my/sppj/mukadepan.cfm*** bagi membuat permohonan secara atas talian.
2. Calon-calon **yang disenarai pendek** sahaja yang akan dipanggil untuk Ujian Tapisan Kompetensi HCTM dan temuduga

Jabatan Sumber Manusia
Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar
Jalan Ya'acob Latif, Bandar Tun Razak
56000 Cheras, Kuala Lumpur

**Urusetia (Unit Perjawatan & Kenaikan Pangkat)**
Tel : 03-9145 5169

**Emel :** ejawatan@ppukm.ukm.edu.my

**Tarikh Buka Iklan : 15.08.2024**
**Tarikh Tutup Iklan : 31.12.2024**